

# Pupuk jati diri, bina kecergasan 42 pelajar

**BATU PAHAT** - Seramai 42 pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Suria Perdana menyertai Projek Rintis Gemilang selama dua hari di kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Program itu dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), melalui Persatuan Khidmat Masyarakat Seksyen 8 dan pihak pengurusan SMK Suria Perdana.

Pengarah program, Muhammad Hurriyatul Fikri Mohd Shukor berkata, program berbentuk kem jati diri ini bertujuan memupuk semangat jati diri, membina kecergasan



**Mahasiswa UTHM dan pelajar SMK Suria Perdana bergambar kenangan setelah program berkenaan berakhir.**

an fizikal dan mental justeru mengeratkan silaturahim.

“Program ini bukan sahaja memberi impak kepada pe-

serta, malah kepada mahasiswa terlibat dalam membentuk kemahiran memimpin, bersikap jujur dan amanah serta berani

menampilkan diri dan berdaya saing.

“Ia juga memupuk semangat kerjasama dalam

kalangan pelajar bagi menjayakan program khidmat masyarakat ini,” katanya.

Sementara itu, penyelaras

program, Mohd Safiee Idris berkata, program ini memberi input ilmu tentang kesediaan mahasiswa menghadapi pelbagai proses dan halangan sama ada semasa belajar ataupun di alam pekerjaan.

“Program sebegini sebenarnya menyediakan diri mahasiswa atau pelajar untuk lebih berani menghadapi kehidupan yang bakal mereka tempuhi.

“Di sini mereka mempelajari cara merancang, melaksana dan memastikan sesuatu program berjaya. Hal ini boleh diimplikasikan siswa di dalam merancang strategi pelajaran bagi mencapai ke-cemerlangan,” katanya.